

Bukti Ringgit kena spekulasi teruk

UTUSAN 28/11

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Pendedahan mengenai pembabitan Bank ANZ dan Macquaria dalam kegiatan spekulasi mata wang Ringgit bukti jelas aktiviti berkenaan sangat berleluasa khususnya di pasaran luar pesisir.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, meskipun demikian, Malaysia tidak akan mengenakan apa-apa penetapan atau sekatan terhadap sistem mata wang bagi menggalakkan pelabur, syarikat dan institusi kewangan menjalankan pasaran dalam negeri terutama pertukaran mata wang asing serta aktiviti perlindungan nilai di negara ini.

Katanya, bagaimanapun pihaknya telah menasihatkan semua pelabur agar melabur di negara ini kerana pelaburan mereka adalah dilindungi serta telus bagi mengekang pihak tidak bertanggungjawab cuba mengambil kesempatan.

“Langkah Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini untuk mengurangkan pasaran pertukaran wang asing luar pesisir adalah berasas dan bank pusat itu juga telah melaksanakan pengawasan dan mekanisme untuk memastikan semua pihak dilindungi daripada aktiviti spekulasi dalam pasaran luar pesisir.

“Ini kerana terdapat bukti bagi aktiviti spekulasi yang serius berlaku di luar negara, jadi



Malaysia tidak akan mengenakan apa-apa penetapan atau sekatan terhadap sistem mata wang bagi menggalakkan pelabur, syarikat dan institusi kewangan menjalankan pasaran dalam negeri terutama pertukaran mata wang asing serta aktiviti perlindungan nilai di negara ini.”

JOHARI ABDUL GHANI
Menteri Kewangan II

saya menyokong penuh tindakan BNM dalam memastikan

lebih banyak pertukaran asing serta aktiviti perlindungan nilai dapat dilakukan,” katanya selepas melepaskan acara berbasikal ‘Cabaran MTB Kampung Bharu’ di sini hari ini.

Beliau mengulas berhubung laporan media yang mendakwa kedua-dua bank tersebut mengakui kepada peniaga-peniaga mereka cuba untuk memanipulasi kadar penanda aras utama dalam pasaran pertukaran asing di Malaysia yang melanggar undang-undang kartel sehingga didenda jutaan dolar.

Ditanya sama ada aktiviti spekulasi terhadap ringgit di pasaran luar pesisir akan terus berlaku, Johari berkata, perkara itu tidak boleh dihalang kerana semua pihak boleh menimbulkan spekulasi terhadap mata wang ringgit.

Katanya, dalam usaha untuk mencegah aktiviti tersebut daripada merosakkan ringgit, kerajaan perlu mewujudkan asas-asas ekonomi yang baik di negara ini.

“Kita perlu menunjukkan kepada mereka bahawa kita mahu meningkatkan kredibiliti, kepercayaan dalam sistem yang ada supaya orang ramai akan percaya.

“Saya percaya kita mempunyai asas yang baik dan mata wang akan kembali kepada tahap di mana ia sepatutnya berada,” ujarnya.